

MANTAPKAN SEKURITI MAKANAN



SAIFULIZAM MOHAMAD

rencana@utusan.com.my

ISU berkaitan sekuriti makanan mula mendapat perhatian rakyat negara ini apabila Malaysia berhadapan dengan krisis kekurangan makanan pada tahun 2008. Ini berikutan pengeluaran beberapa jenis tanaman kontan pada tahun berkenaan seperti beras, gandum dan jagung susut mendadak di negara-negara pengeluar utama hingga menjejaskan bekalan.

Antara punca utamanya adalah disebabkan perubahan iklim kesan daripada pemanasan global. Sebagai sebuah negara pengimport makanan khususnya beras, Malaysia tidak terkecuali berhadapan dengan situasi yang amat sukar itu.

Malah krisis tersebut yang kemudian diburukkan lagi dengan peningkatan harga makanan ruji khususnya beras serta gandum turut mencetus kebimbangan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) kemungkinan berlakunya rusuhan terutama di negara-negara miskin pada masa itu.

Sememangnya tekanan amat dirasakan oleh Malaysia ketika krisis tersebut berlaku apatah lagi negara pengeksport beras utama rantau ini seperti Thailand dan Vietnam terpaksa menggantung eksport beras mereka ke luar negara buat sementara apabila ketutamaan diberikan kepada kegunaan domestik.

Sehingga hari ini tahap pengeluaran beras di Malaysia secara keseluruhan masih tidak mencukupi iaitu dalam lingkungan 72 peratus dan terdapat 28 peratus lagi kekurangan yang perlu ditampung bagi kegunaan rakyat.

Mahu tidak mahu jumlah baki beras yang kurang itu perlu diimport dari negara-negara pengeluar memandangkan beras keluaran tempatan masih belum cukup untuk menanggung keperluan ke-

MAKANAN NEGARA: SAMPAI BILA?



GHIZAN SALLEH (kanan) memberikan pandangannya ketika membicarakan isu, *Sekuriti Makanan Negara: Sampai Bila?* sambil diperhatikan oleh Aini Ideris, Mad Nasir Shamsudin dan Suhaimi Mohamed (kiri sekali) sebagai moderator dalam Program Advokasi Ilmuwan di Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini. - UTUSAN/MOHD NOOR MAT AMIN

seluruhan penduduk negara ini.

Selain beras, Malaysia turut berhadapan dengan kekurangan pengeluaran bekalan makanan lain antaranya daging lembu tempatan yang hanya mencakupi kegunaan 28 peratus, daging kambing (28 peratus) dan sayur-sayuran (33 peratus). Bagi menampung kekurangan tersebut, negara terpaksa bergantung kepada import.

Kini lapan tahun telah pun berlalu dan rakyat negara ini semakin melupai peristiwa tersebut walaupun pada hakikatnya krisis kekurangan makanan boleh berlaku tanpa diduga.

Boleh dikatakan rakyat Malaysia ketika ini mewah dengan pelbagai jenis makanan dan minuman sehingga ke satu peringkat berlakunya pembaziran makanan secara berlebihan. Betul kata orang, kita tidak belajar daripada peristiwa lampau, Tidak mustahil mungkin satu hari nanti negara bakal mengalami kekurangan bekalan makanan khususnya beras seperti mana yang pernah berlaku pada tahun 2008. Jika ada sekalipun mungkin harga yang ditetapkan terlalu mahal kerana faktor kekurangan bekalan.

Isu itu kemudian telah dikupas oleh tiga ahli panel dalam Program Advokasi Ilmuwan Majlis Profesor Negara (MPN) Bersama

Utusan Malaysia dan RTM bertajuk, *Sekuriti Makanan Negara: Sampai Bila?* di Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini.

Panel pertama iaitu Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris memberitahu dalam satu kajian yang pernah dijalankan sebelum ini sekiranya rakyat tidak mendapat bekalan makanan dalam tempoh empat hari, negara tersebut akan huru hara.

"Isu sekuriti makanan ini amat penting dan mesti diberikan ketutamaan kerana kaitannya dengan soal keselamatan negara. Oleh itu terdapat beberapa perkara diberikan perhatian berhubung dengan isu ini antaranya kesediaan, kecapaian, keupayaan dan kestabilan," katanya.

Fakta yang dikemukakan oleh beliau kemudian disokong oleh ahli panel kedua, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof. Datuk Dr. Mad Nasir Shamsudin yang mahu semua pihak termasuk kerajaan berusaha keras memperluaskan lagi pelaburan dalam industri agro makanan negara.

Realitinya beliau berkata, bekalan makanan untuk kegunaan rakyat negara ini masih belum mencukupi hingga menyebabkan jumlah import bahan-bahan tersebut semakin meningkat

dari setahun ke setahun hingga mencecah RM45.4 bilion.

Dalam perkembangan sama Mad Nasir telah mengkategorikan sektor pertanian negara kepada dua bahagian iaitu perladangan komoditi dan pertanian. Berbanding pertanian, sektor perladangan komoditi khususnya kelapa sawit telah memperlihatkan kemampuannya sehingga Malaysia menjadi negara pengeluar minyak sawit utama dunia.

Berbeza dengan bidang pertanian terutama pengeluaran agro makanan beliau berkata, bidang tersebut kurang diminati atas pelbagai faktor antaranya risiko penyakit yang tinggi selain kurang mendapatkan keuntungan.

"Apapun sektor ini sebenarnya amat penting kerana kaitannya dengan soal keselamatan negara. Memang pulangan dari segi nilai ringgit kurang tetapi pulangan dari segi sosial adalah amat penting. Dengan adanya bekalan makanan yang mencukupi negara akan terus aman, damai dan harmoni

"Oleh itu perkara ini tidak boleh dipandang ringan dan sesuatu perlu dilakukan bagi melonjakkan lagi industri pertanian makanan negara termasuk menyediakan pelbagai insentif kepada setiap pengusaha," katanya.

Ahli panel ketiga, Prof. Dr. Ghizan Salleh yang juga Ketua Kluster Pertanian dan Makanan MPN ketika membicarakan isu tersebut telah menyentuh kepentingan industri agro makanan dengan stok penimbal.

Katanya, selepas berlaku krisis makanan tahun 2008, kerajaan telah membuat keputusan untuk menaikkan keperluan stok penimbal iaitu daripada 30 hari kepada 45 hari. Stok penimbal akan digunakan di saat negara putus bekalan makanan.

Sebab itu katanya, industri agro makanan tempatan perlu dipertingkatkan lagi supaya bekalan stok penimbal sentiasa mencukupi, bahkan di negara maju standard stok penimbal yang ditetapkan adalah selama enam bulan.